

BAHAGIAN B
[30 MARKAH]
JAWAB **SEMUA** SOALAN

SOALAN 1

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Fiqh dari segi bahasa dan istilah

(3 Markah)

2. Berikan pengertian Fiqh Muallaf.

(2 Markah)

3. Apakah yang dimaksudkan dengan dalil?

(1 Markah)

4. Nyatakan **empat (4)** hukum syarak yang disepakati ulama'.

(4 Markah)

SOALAN 2

1. Apakah yang di maksudkan dengan konsep tiada paksaan dalam memeluk agama Islam?

(2 Markah)

2. Berikan dalil daripada al-Qur'an tentang konsep tiada paksaan dalam memeluk agama Islam.

(2 Markah)

3. Adakah seorang Muallaf yang telah memeluk Islam boleh murtad (keluar Islam) sesuka hati dengan menggunakan konsep tiada paksaan dalam memeluk agama Islam?

(2 Markah)

4. Nyatakan hukum dan penjelasan bagi seorang Muslim yang ingin mengkaji atau membaca kitab-kitab agama lain.

(4 Markah)

SOALAN 3

1. Apakah perkara asas yang perlu dilakukan untuk memeluk agama Islam?

(2 Markah)

2. Bagaimanakah cara untuk Muallaf yang tidak fasih dalam bahasa Arab mengucap Dua Kalimah Syahadah?

(2 Markah)

3. Nyatakan **dua (2)** orang sahabat yang telah menyembunyikan pengislaman mereka.

(2 Markah)

4. Berikan contoh tohmahan yang selalu dilemparkan kepada muallaf yang baru memeluk Agama Islam?

(4 Markah)

SOALAN TAMAT